

3755/1  
Perdagangan  
Kertas 1  
Ogos  
2008  
1 1/4 jam



**JABATAN PELAJARAN TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008**

---

**PERDAGANGAN**

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**


1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak


**Arahan:** *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.*

1. Rajah di bawah menunjukkan Hierarki Keperluan Maslow.



Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan P.

- A. Untuk mencapai kehidupan sempurna dan selamat.
  - B. Untuk mendapat kasih sayang daripada keluarga.
  - C. Mendorong individu berusaha mencapai cita-citanya.
  - D. Membolehkan tubuh badan berfungsi dengan baik.
2. Gambar di bawah menunjukkan aktiviti pengeluaran.



Pernyataan manakah menerangkan tentang pengeluaran di atas?

- A. Aktiviti memenuhi keperluan dan kehendak melalui amalan pengkhususan.
- B. Aktiviti memenuhi keperluan dan kehendak melalui usaha sendiri.
- C. Aktiviti memenuhi keperluan dan kehendak yang diamalkan sejak zaman dahulu.
- D. Aktiviti untuk memenuhi keperluan dan kehendak sendiri dan keluarga.

3. Di antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan-kelebihan pengkhususan dalam pengeluaran.
- I. Kos pengeluaran meningkat.
  - II. Dapat menjimatkan masa pengeluaran.
  - III. Kemahiran pekerja dapat ditingkatkan.
  - IV. Kuantiti pengeluaran dapat ditingkatkan.
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV
4. Pernyataan di bawah adalah berkaitan dengan perdagangan.

Aktiviti pengeluaran mestilah melibatkan kegiatan perdagangan dan perniagaan

Apakah hubungan antara perdagangan dan perniagaan dalam proses pengeluaran.

- I. Kedua-dua melibatkan proses pengagihan barang kepada pengguna akhir
  - II. Kedua-dua melibatkan pengkhususan
  - III. Kedua-dua melibatkan proses penciptaan nilai faedah
  - IV. Kedua-dua melibatkan urusan kewangan
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan IV
  - D. III dan IV

5. Rajah di bawah adalah sejenis saluran agihan.



Apakah jenis barangan yang sesuai diagihkan menggunakan saluran di atas.

- A. Buah-buahan dan sayur-sayuran
  - B. Alat ganti kenderaan
  - C. Mesin berteknologi tinggi
  - D. Barang keperluan dapur
6. Antara berikut, yang manakah benar tentang fungsi peruncit kecil-kecilan.
- I. Menjalankan sedikit kerja pembungkusan dan menimbang.
  - II. Sedia menghantar barang ke rumah pelanggan.
  - III. Memberi kredit kepada pelanggan yang dipercayai.
  - IV. Melakukan pengiklanan di media untuk meningkatkan jualan.
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV
7. Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri francais.
- I. Menggunakan jenama dan logo firma induk.
  - II. Modal dibekalkan oleh firma induk.
  - III. Promosi dilakukan oleh firma induk.
  - IV. Perlu membayar royalti kepada firma induk.
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV

8. Di antara faktor berikut, yang manakah menyebabkan fungsi pemborong diambil alih?
- A. Pertambahan bilangan syarikat jualan langsung
  - B. Peningkatan kos pengangkutan barang-barang
  - C. Pengurangan kos pengiklanan
  - D. Pertambahan bilangan peruncit kecil-kecilan

9. Pernyataan di bawah adalah berkaitan dengan kepentingan perniagaan antarabangsa.

Dapat menggunakan teknologi terkini dari negara luar dalam proses pengeluaran.

Apakah kesannya kepada pengeluar tempatan?

- I. Meningkatkan kualiti barang
  - II. Mengurangkan harga barang
  - III. Menjimatkan kos pengeluaran
  - IV. Menambahkan sumber bekalan
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan IV
  - D. III dan IV
10. Encik Faizol merupakan pengusaha kuih tradisional yang terbesar di Melaka. Beliau menghasilkan beraneka jenis kuih dan bercita-cita mengeksport kuihnya ke luar negara.
- Berdasarkan situasi di atas, cadangkan saluran eksport yang sesuai.
- I. Pameran dagangan
  - II. Ejen pengeksport
  - III. Pejabat cawangan
  - IV. Kedai serbaneka
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan III
  - D. II dan IV

11. Apakah tujuan Skim Pembangunan Vendor diperkenalkan?

- A. Meningkatkan eksport negara
- B. Menggalakkan pelaburan asing di Malaysia
- C. Membantu dalam pengeluaran industri berat
- D. Membekalkan komponen kritikal kepada syarikat besar

12. Berikut merupakan masalah Industri Kecil dan Sederhana.

Barang yang dihasilkan bermutu rendah kerana tiada kawalan mutu

Masalah tersebut berkaitan dengan

- A. modal
- B. pemasaran
- C. kekurangan bahan mentah
- D. lokasi

13. Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sering menghadapi masalah kekurangan bahan mentah.

Mengapakah berlaku masalah tersebut?

- I. Ketiadaan modal untuk menyimpan bahan mentah
  - II. Tiada bekalan bahan mentah di pasaran
  - III. Tingkat pengeluaran semakin bertambah
  - IV. Kesukaran menghubungi pembekal
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. II dan IV

14. Pengambilalihan sesuatu firma dilakukan bertujuan untuk

- A. mengurangkan persaingan
- B. meningkatkan jumlah pekerja
- C. mengurangkan belanja pengurusan
- D. mengurangkan pembayaran cukai keuntungan

15.

Memiliki modal sebanyak RM20 000. Pelanggannya terdiri daripada penduduk di kawasan taman perumahan.	Punca modal perniagaan dengan menjual syer. Mempunyai kemampuan mengiklankan perniagaan.
<div style="border: 1px solid black; display: inline-block; padding: 2px 10px;">Situasi A</div>	<div style="border: 1px solid black; display: inline-block; padding: 2px 10px;">Situasi B</div>

Berdasarkan maklumat di atas, nyatakan jenis pemilikan perniagaan bagi Situasi A dan Situasi B.

	Situasi A	Situasi B
A	Peruncit kecil-kecilan	Peruncit besar-besaran
B	Perniagaan runcit	Perniagaan borong
C	Milikan tunggal	Syarikat sendirian berhad
D	Perkongsian	Perbadanan awam

16. Berikut adalah maklumat mengenai Encik Saril yang bercadang menceburi bidang perniagaan.


<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekerjaan sekarang Penasihat profesional di sebuah syarikat swasta selama 10 tahun</li> <li>• Memiliki modal sebanyak RM30 000 daripada simpanan sendiri</li> <li>• Memiliki rumah di sebuah pekan kecil</li> </ul>
--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Cadangkan milikan perniagaan yang paling sesuai untuk diceburi oleh Encik Saril.

- A. Koperasi
- B. Perkongsian
- C. Syarikat sendirian berhad
- D. Syarikat awam berhad

17. Di antara berikut, bank yang manakah tidak menawarkan kemudahan khidmat nasihat kewangan kepada pelanggannya yang terdiri daripada orang ramai?
- A. Bank Utama Berhad
  - B. Bank Saudagar Malaysia
  - C. Bank Koperasi Nasional
  - D. Bank Usahaniaga Berhad

18.



Sekeping cek yang dikeluarkan oleh Bank Saujana Berhad, Kuala Terengganu telah diterima oleh Encik Hamdan, tetapi terdapat palangan pada cek seperti rajah di atas.

Di bank manakah cek ini sepatutnya dikemukakan?

- A. Semua cawangan Bank Perdana
  - B. Semua cawangan Bank Saujana
  - C. Bank Perdana, Kota Bahru
  - D. Bank Saujana, Kuala Terengganu
19. Encik Din telah membeli sebuah pangsapuri di Kuala Lumpur pada 1 Jun 2006 dengan harga RM 220,000 secara tunai. Pada awal September 2006, Cik Nur telah mula menyewa pangsapuri tersebut dengan kadar RM 1,400 sebulan. Pada 1 Julai 2007, Encik Din telah menjual rumah tersebut dengan harga RM 250,000.
- Hitungkan jumlah pulangan atas pelaburan yang diperolehi oleh Encik Din itu.
- A. RM 14,000
  - B. RM 30,000
  - C. RM 44,000
  - D. RM 74,000



20. Nyatakan jenis syer yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Pemegang syer akan mendapat dividen tunggakan tahun sebelumnya
- Kadar dividen yang diterima adalah tetap

- A. Syer keutamaan boleh tebus
- B. Syer keutamaan boleh tukar
- C. Syer keutamaan kumulatif
- D. Syer keutamaan penyertaan

21. Puan Saba telah memenangi hadiah utama peraduan minuman berkhasiat VILO bernilai RM 120,000. Beliau bercadang untuk melaburkan RM 100,000 dalam pelaburan yang berisiko rendah serta mudah ditunaikan.

Cadangkan kepada Puan Saba, jenis pelaburan yang sesuai.

- A. Komoditi
- B. Saham
- C. Hartanah
- D. Unit Amanah

22. Jadual di bawah menunjukkan jumlah urusanniaga saham papan utama oleh Cik Irah antara bulan April hingga bulan Julai 2007, di mana pada setiap kali urusanniaga pembelian dan penjualan saham berjumlah 3000 unit.

	Harga Belian	Harga Jualan
April 2007	RM 1.00	
Mei 2007		RM 1.40
Jun 2007	RM 1.10	
Julai 2007		RM 1.60

Berapakah jumlah keuntungan modal yang diperolehi oleh Cik Irah?

- A. RM 1,200
- B. RM 1,500
- C. RM 2,400
- D. RM 2,700

23. Sewa merupakan pulangan yang diperolehi apabila seseorang melabur dalam
- hartanah
  - saham
  - simpanan tetap
  - simpanan semasa
24. Puan Siti merupakan seorang yang gemar melakukan urusniaga saham. Setiap hari beliau akan memerhati laporan ekonomi dunia. Jika laporan tersebut memberikan gambaran bahawa ekonomi negara akan meningkat, beliau akan membeli saham dan sebaliknya.
- Puan Siti merupakan seorang
- spekulator
  - broker
  - pelabur berpengalaman
  - remiser
25. Beberapa bungkusan majalah 'Asia Week' yang diterbitkan di Hong Kong sekali seminggu dihantar ke Kuala Lumpur dengan kapal terbang. Mengapa?
- Barangan yang bernilai dan kos insuransnya tinggi sekiranya dihantar dengan kapal laut
  - Untuk menjimatkan kos pergudangan
  - Majalah berkenaan senang rosak
  - ia perlu dikiriskan kepada pelanggannya dengan segera
26. Pengkontenaan mempunyai banyak kebaikan dalam bidang pengangkutan barang. Namun, ia mempunyai beberapa kelemahan. Antara kelemahannya ialah
- kos melengkapkan pelabuhan dengan alat pengangkut kontena adalah tinggi.
  - tidak sesuai untuk mengangkut semua jenis barang.
  - bayaran pelabuhan bertambah.
  - risiko kerosakan barang yang tinggi.
- I dan II
  - I dan III
  - II dan III
  - III dan IV

27. Kapal tangki yang dibina khas untuk mengangkut bahan-bahan cecair ialah sejenis kapal
- A. tramp.
  - B. kapal kargo.
  - C. feri.
  - D. kontena.
28. Tugas-tugas Jabatan Pengangkutan Jalan antara lain merangkumi perkara-perkara berikut kecuali
- A. mengeluarkan lesen pembawa untuk semua kenderaan komersial.
  - B. mendaftar dan mengeluarkan lesen untuk semua kenderaan bermotor.
  - C. menguatkuasakan undangundang yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya.
  - D. menguji dan memeriksa kenderaan.
29. Arahan daripada ibu pejabat Tabung Haji dapat disampaikan kepada cawangan- cawangan di seluruh negara.
- Berdasarkan maklumat di atas, apakah peranan komunikasi?
- A. Memudahkan kawalan dan pengurusan perniagaan
  - B. Mempertingkatkan sistem urusan bank
  - C. Mempercepatkan urusan perniagaan
  - D. Dapat menyebarkan maklumat
30. Perkhidmatan mel khas yang disediakan oleh Pos Malaysia berbeza daripada mel biasa kerana
- I. mel khas dikenakan bayaran tambahan.
  - II. tindakan akan diambil untuk mengesan mel khas yang hilang.
  - III. mel biasa tidak direkodkan sementara mel khas direkodkan dalam sebuah buku rekod.
  - IV. semua jenis mel khas dikirimkan dengan segera.
- A. I, II dan III
  - B. I,II dan IV
  - C. I,III dan IV
  - D. II, III dan IV

31. Bagaimanakah pergudangan dapat menstabilkan harga sesuatu barangan?
- A. Dengan cara memudahkan kerja-kerja akhir dilakukan
  - B. Melalui proses penyimpanan dan pengedaran pada masa yang sesuai
  - C. Dengan menjamin keselamatan barang
  - D. Dengan mengelakkan kerosakan dan pembaziran

32.

Kerja menimbang dan melabel dilakukan.  
Barang disusun dengan teratur.

Ciri-ciri gudang di atas merujuk

- A. keselamatan.
  - B. pengurusan yang cekap.
  - C. ruangan yang luas.
  - D. peralatan yang lengkap.
33. Berikut merupakan kebaikan promosi kepada seseorang peniaga
- I. Kos pengeluaran dapat dikurangkan akibat daripada faedah ekonomi bidangan
  - II. Mewujudkan permintaan terhadap keluaran baru
  - III. Imej sesuatu jenama dapat ditingkatkan
  - IV. Meningkatkan daya saing pengeluar
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV

34. 'Jenis iklan ini dibuat dengan cara menyusun, mengatur dan menghias barang niaga dengan menarik di hadapan kedai'

Pernyataan di atas berkaitan dengan

- A. papan tanda.
- B. peragaan tingkap.
- C. lampu neon.
- D. pameran.

35. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor-faktor yang menentukan pemilihan media pengiklanan.

- I. luas liputan iklan.
- II. saiz iklan.
- III. tujuan iklan
- IV. jenis keluaran

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

36. Penyelidikan dan Pembangunan di bidang pertanian merupakan bidang utama agensi ini.

- I. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).
- II. Institut Penyelidikan Getah (RRI).
- III. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).
- IV. Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

37. Apakah tugas Institut Piawaian dan Penyelidikan Malaysia (SIRIM)?
- I. Membantu pengeluar memperbaiki kualiti pengeluaran
  - II. Memastikan keluaran mengikut piawaian Malaysia
  - III. Membantu mempertingkatkan teknologi pengeluaran
  - IV. Mengenal pasti peluang pasaran baru
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV
38. Maklumat berikut menerangkan maksud konsumerisme dengan tepat.
- A. Suatu usaha ke arah meningkatkan taraf hidup pengguna dengan cara mengurangkan harga barang dan perkhidmatan
  - B. Suatu usaha menggalakkan para pengguna membeli secara rasional
  - C. Suatu pergerakan yang cuba mendidik para pengguna membeli secara bijak agar kesan inflasi dapat dikurangkan
  - D. Suatu usaha untuk melindungi kepentingan dan kebajikan para pengguna
39. Antara berikut, yang manakah merupakan bukti bahawa peniaga bertanggungjawab terhadap kerajaan?
- A. Peniaga membayar cukai pendapatan
  - B. Peniaga menentukan ketepatan timbangan dan sukatan bagi barang jualannya
  - C. Peniaga menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan mutu keluaran
  - D. Peniaga menyediakan tempat dan suasana kerja yang selamat dan sihat bagi pekerjanya
40. Akta-akta berikut berkaitan dengan jualan kecuali
- A. Akta Perihal Dagangan 1972
  - B. Akta Hak Cipta 1987
  - C. Akta Syarikat 1965
  - D. Akta Kawalan Harga 1946

**KERTAS SOALAN TAMAT**